



PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA

PUSTAKA

BULETIN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

BILANGAN 2/2011

ISSN : 01288679



PENASIHAT

Dato' Raslin bin Abu Bakar
Ketua Pengarah PNM

KETUA EDITOR

Encik Kamaruddin bin Mat Nata
Pengarah PPK

EDITOR

Puan Salasiah binti Abdul Wahab
Timbalan Pengarah BPP

Encik Wan Mohamad Fazali bin
Mohd Salleh

Pen Pengarah Kanan BPD

Encik Muhamad Zaki bin Yusof
Penolong Pengarah BPP

WARTAWAN

Encik Mustafa bin Daud

Pen Pengarah Kanan

Bahagian Pemuliharaan

Encik Shahril bin Lariwoo

Penolong Pengarah BKNP

Cik Siti Diana binti Dahlan

Penolong Pengarah BPP

Cik Rosmini binti Ismail

Pen Peg Perp Kanan BGML

Encik Ishak bin Awang

Pen Pegawai Perpustakaan PBN

Encik Ricaldo Geonan Majutin

Pen Pegawai Perpustakaan BKP

Cik Cherana Anak Moh

Pen Peg Perp Bahagian Pinjaman

Puan Salwana binti Fadzil

Pen Peg Perp BPDK

Cik Noor Shazila binti Johari

Pen Peg Perp BRSP

KOORDINATOR PENERBITAN

Encik Zulkifli Abd Samad

Ketua Bahagian Penerbitan

PENTADBIR WEB JABATAN

Cik Nur Amalina binti Mohamad Anawa
Pen Peg Teknologi Maklumat

SUSUNATUR / GRAFIK

Encik Mohd Firdaus Ngah Sa'aya
PPP Bahagian Penerbitan

SECEBIS KATA

KETUA EDITOR



Assalamualaikum dan salam 1Malaysia,

Selamat bertemu kembali dalam Buletin Pustaka :Perpustakaan Negara Malaysia bil. 2/2011. Bagi meneruskan agenda dan misi sebagai saluran dan wadah untuk melahir dan menterjemah hasrat PNM yang telah mengadakan berbagai aktiviti dan program sepanjang tempoh Mei hingga Ogos 2011.

Program galakan membaca telah menjadi ibarat darah daging PNM sejak dari awal diperkenalkan sekitar tahun 2000 lagi. Bagi meneruskan hasrat yang murni ini, keluaran kali ini turut memaparkan sebanyak 3 program galakan membaca yang telah berlangsung di Batang Sadong Sarawak ,di Tasik Bandung Gerik dan di Teluk Sepanggar, Kota Kinabalu Sabah.

Bagi memastikan sistem kualiti dan prosedur kerja sentiasa ditingkatkan, PNM meneruskan usaha pembaharuan persijilan ISO, malah sedang merangka bagi membolehkan kesemua bahagian menyertai ISO menerusi perluasan skop untuk mencapai penambahbaikan dan peningkatan kualiti kerja.

Disamping itu, aktiviti yang tidak kurang menariknya adalah Program Read Malaysia di The Mines, Pameran Animasi, Mesyuarat Pengurusan Perpustakaan Perkhidmatan Gunasama serta berbagai aktiviti Kelab Perpustakaan Negara Malaysia seperti sukan, sambutan hari lahir ahli kelab, ceramah agama, bacaan Yassin dan program selamatkan nyawa melalui pengesahan dan pencegahan awal.

Akhir kata, teruskan amalan membaca, supaya menjadi insan yang berilmu, berpengetahuan luas dan berintegriti dalam kerja dan urusan harian.

Selamat membaca.

KAMARUDIN BIN MAT NATA





MESYUARAT PENGURUSAN PERPUSTAKAAN GUNASAMA KUMPULAN SOKONGAN SIRI 2/2011




Pada 20 hingga 22 Jun 2011, Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan (BKNP) telah mengadakan Mesyuarat Pengurusan Perpustakaan Gunasama Kumpulan Sokongan Siri 2/2011.

Seminar khas dan mesyuarat ini telah diadakan di Bukit Gambang Resort City, Kuantan, Pahang dan telah dihadiri oleh kakitangan sokongan perkhidmatan gunasama perpustakaan daripada pelbagai jabatan dan agensi serta kakitangan sokongan Perpustakaan Negara Malaysia yang terdiri daripada Gred S17 hingga Gred S32. Seramai 104 orang peserta telah menghadiri seminar khas dan mesyuarat ini.

Sebanyak tujuh sesi taklimat telah disampaikan sebelum Mesyuarat Pengurusan Perpustakaan Gunasama Kumpulan Sokongan Siri 2/2011 diadakan pada 22 Jun 2011 (Jumaat). Pada hari pertama 20 Jun 2011 sesi taklimat telah bermula. Taklimat yang pertama bertajuk Asas Kaunseling dan Perkhidmatan telah disampaikan oleh Cik Siti Azurah Alias, Pegawai Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam. Ia disusuli dengan taklimat Peraturan dan Pelaksanaan Pelupusan Sumber Perpustakaan yang telah disampaikan oleh Encik Dahlan Samad, Timbalan Pengarah, Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan. Pada hari kedua, sesi taklimat telah disambung dan telah disampaikan oleh Encik Muhamad Zaki Yusof, Penolong Pengarah, Bahagian Penyelidikan yang bertajuk Kepentingan Pengumpulan Statistik Bagi Pembangunan Perpustakaan di Malaysia. Seterusnya Puan Beghum Ulfhat Shahnaaz binti Amir Razli, Penolong Pengarah, Bahagian Gerakan Literasi Maklumat telah menyampaikan taklimat Program Galakan Membaca. Pada sebelah petang pula, Cik Nafisah Ahmad, Pengarah PERDANA telah menyampaikan Taklimat U-Pustaka kepada peserta mesyuarat. Taklimat Imbasan Kerjaya Pustakawan pula telah disampaikan oleh Tuan Hj. Rosham bin Abdul Shukor, Pengarah, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia. Taklimat yang terakhir yang bertajuk Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) pula telah disampaikan oleh Encik Tamimi Taib, Penolong Pengarah, Pusat Penyerahan Terbitan Negara.

Mesyuarat bersama Pegawai Sokongan pula telah dipengerusikan oleh Ybhg Dato' Raslin bin Abu Bakar, Ketua Pengarah, Perpustakaan Negara Malaysia. Mesyuarat ini telah memberi peluang kepada ahli mesyuarat bertemu, berbincang dan memberi cadangan dan pandangan bersama-sama Pengurusan PNM. Pelbagai isu telah dibincangkan sepanjang mesyuarat berlangsung. Selain itu, ahli mesyuarat juga dapat berkenalan dan mewujudkan jalinan kerjasama antara mereka dan PNM.





MARI MEMBACA 1MALAYSIA : LAUTAN ILMU DITIMBA



KEMENTERIAN
PENERANGAN
KOMUNIKASI
& KEBUDAYAAN



Pada 13 Ogos yang lalu, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) meneruskan jalah Kempen Membacanya melalui siri Mari Membaca 1Malaysia. Kali ini, siri Kempen Mem- baca tersebut disasarkan kepada kumpulan tentera laut, kerana itu program Mari Membaca 1Malaysia tersebut dinamakan sebagai Seluas Lautan Ilmu Ditimba.

Program ini telah disempurnakan oleh DYTM Brigadier Jeneral Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis bertempat di Auditorium Markas Angkatan Kapal Selam, Markas Wilayah Laut 2, Pangkalan TLDM Teluk Sepanggar, Kota Kinabalu, Sabah.

Seluas lautan begitu juga seluasnya ilmu perlu ditimba agar masyarakat menjadi modal insan yang berkualiti dari segi pengetahuan dan mempunyai minda yang lebih tajam ke arah membentuk sebuah negara yang mampu bersaing di arena dunia yang terbuka.

Sempena program tersebut, sebanyak 500 naskhah bahan bacaan disumbangkan kepada TLDM Teluk Sepanggar. Bahan bacaan tersebut diserahkan oleh DYTM Raja Muda Perlis kepada Panglima Wilayah Laut 2, Panglima Muda Dato' Anuwi bin Hassan. Selain bahan bacaan tersebut ditempatkan di Pusat Sumber Komuniti, ia juga ditempatkan di Kapal Diraja (KD) KEDAH. Buku-buku adalah sumbangan PNM, PTS Publication & Distributor selain daripada sumbangan Universiti Malaysia Perlis dan Mufti Negeri Perlis.

Sementara itu, syarikat Nagasteel Equipment telah tampil menyumbangkan rak buku yang ditempatkan di KD KEDAH selain turut menyuraukan 4 unit iPad untuk digunakan di Kapal Selam berikutkan sudut bacaan tidak dapat diwujudkan dalam kapal selam yang mempunyai ruang yang sempit dan terhad. iPad tersebut diharapkan dimanfaatkan oleh anggota tentera sebagai gajet untuk membaca bahan bacaan elektronik.

Turut hadir dalam majlis tersebut adalah DYTM Meja Kehormat Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil (Raja Puan Muda Perlis), Dato' Raslin bin Abu Bakar (Ketua Pengarah PNM), Laksamana Pertama Dato' Pahlawan Mohammad Rosland bin Omar (Panglima Angkatan Kapal Selam), Delegasi Lawatan OP PASIR Perlis serta pegawai-pegawai TLDM Teluk Sepanggar.





Program Galakan Membaca "Mari Membaca 1Malaysia@Batang Sadong", Sarawak



YB Hajah Nancy Haji Shukri, Ahli Parlimen Batang Sadong menerima cenderahati dari YBhg Dato' Raslin bin Abu Bakar selaku pihak PNM



YB Dato' Hasan Malek memotong riben sebagai simbolik perasmian Mari Membaca 1Malaysia: Cip Bacak Nei Malaysia

Satu lagi persefikatan pintar telah dijalankan antara pihak Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dalam menjayakan Mari Membaca 1Malaysia: Cip Bacak Nei Malaysia yang telah diadakan di Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Air Banun yang terletak di Banding, Gerik, Perak Darul Ridzuan pada 23 Julai 2011 (Sabtu). Majlis perasmian program ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Hasan Malek, Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar & Wilayah.

Objektif program ini adalah untuk mewujudkan kesedaran di kalangan masyarakat Orang Asli tentang keseronokan membaca, membentuk persekitaran membaca yang selesa dan seterusnya memupuk tabiat membaca sepanjang hayat. Seramai 700 orang telah menyertai program ini yang terdiri daripada Tok Batin dan penduduk-penduduk dari 7 buah perkampungan Orang Asli berdekatan iaitu Kg. Sungai Banun, Kg. Desa Damai, Kg. Desa Permai, Kg. Sungai Raba, Kg. Semelor, Kg. Pengkalan Damai, Kg. Desa Ria, guru-guru dan para pelajar Sekolah Kebangsaan (SK) RPS Banun, ketua-ketua Jabatan Daerah Gerik dan Pengurusan Kanan KKLW.

Program Galakan Membaca "Mari Membaca 1Malaysia@Batang Sadong", Sarawak telah berlangsung pada 26 Jun 2011 bertempat di Padang Sentral, Simunjan, Sarawak dan dihadiri tetamu kehormat YB Hajah Nancy Haji Shukri, Ahli Parlimen Batang Sadong, YBhg Dato' Raslin bin Abu Bakar, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), YBhg Datuk Sheikh Muszaphar Shukor, Angkawatan Negara.

Program Galakan Membaca diadakan dengan tujuan untuk menubuh dan mempromosikan sudut bacaan sebagai kaedah galakan budaya membaca di kalangan masyarakat. Selain itu, dapat juga memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan mengamalkan budaya membaca. Ia juga dapat menyebarkan ilmu pengetahuan melalui pembacaan dan seterusnya dapat menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dan cintakan ilmu dalam kalangan warga Malaysia.

Pada program tersebut, pelbagai aktiviti telah dijalankan seperti pameran dan demonstrasi pemuliharaan serta penjagaan bahan bacaan yang akan dikendalikan oleh Bahagian Pemuliharaan darpa PNM sendiri, Bengkel Literasi Maklumat juga akan dijalankan yang bertujuan untuk mendidik masyarakat agar mempunyai kemahiran literasi maklumat untuk menjaring maklumat yang diperlukan. Pada program tersebut juga telah diadakan promosi dan kaedah menggunakan u-Pustaka. Selain itu, aktiviti berbentuk permainan secara santai seperti permainan pembelajaran, Gali Kata, Bina Kata, Pantas Jawi dan Silang Kata Jawi diadakan bagi menarik minat kanak-kanak turut diadakan.

Mari Membaca 1Malaysia Cip Bacak Nie Malaysia



Pengisian aktiviti yang telah dijalankan sepanjang program ini berlangsung adalah seperti aktiviti interaktif bersama E2L, aktiviti ilmu (Gali Kata, Bina Kata, Permainan Pembelajaran) Sesi Mewarna, Sesi Bercerita, Pameran, Demonstrasi Membuat Coklat, Jualan Kraftangan, Bengkel Literasi Maklumat, Jualan Buku, Demonstrasi Pemuliharaan dan Pembelaan Buku, Pameran dan Kuiz 1Malaysia, Penampilan Istimewa Kumpulan Chnoz, Sukan Rakyat dan Pertandingan Karaoke





READ MALAYSIA 2011 : MEMPERKASA BUDAYA MEMBACA



Timbalan Menteri KPKK, YB Senator Datuk Maglin Dennis D'Cruz merasmikan Read Malaysia 2011 di Pentas Utama



Perkhidmatan U-Pustaka yang disediakan oleh Perpustakaan Negara Malaysia

Senarusnya program ilmu sebegini narus diteruskan dan perlu difahami, tanggungjawab melahirkan bangsa bermaklumat bukanlah terletak pada bahu Kerajaan semata-mata, malah individu dan syarikat-syarikat swasta turut bertanggungjawab bersama-sama kerajaan berkenan untuk melahirkan masyarakat yang bermaklumat menerusi memperkasaan budaya membaca. Inilah yang dibuktikan oleh MINES Event Sdn. Bhd dengan memainkan peranan penting dalam menjayakan aspirasi Kerajaan melahirkan masyarakat berbudaya maju dengan penerapan amalan membaca secara beterusan. Tahniah diucapkan kepada seluruh warga MINES Event Sdn. Bhd.

ReadMalaysia'11 merupakan pesta buku anjuran MINES Event Sdn.Bhd. Pada tahun 2011, pengajuran ReadMalaysia merupakan pengajuran tahun ketiga dan pada kali ini ia dianjurkan bersama oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Ia telah bermula pada 27 Mei hingga 5 Jun 2011 dengan disertai sebanyak 116 pemeran yang terdiri daripada agensi kerajaan dan swasta. Dalam pengajuran tersebut, pelbagai koleksi buku dijual kepada pengunjung selain jualan bahan-bahan lain seperti permainan pembelajaran, makanan dan alat tulis.

Sepanjang pengajuran tersebut, pelbagai aktiviti telah diadakan seperti Spelling Contest, Sesi Buku Kegemaran Saya, persempahan artis jemputan, forum mengenai pembacaan, mewarna dan pelbagai aktiviti menarik lagi.

Mereka yang berkesempatan ke ReadMalaysia'11 pasti akan melihat satu situasi yang amat baik dalam kita memperkasaan budaya membaca dalam kalangan rakyat Malaysia. Kita perlu tahu, dalam mencapai Wawasan 2020 iaitu membentuk sebuah negara maju, budaya masyarakat Malaysia perlulah terlebih dahulu diterapkan dengan budaya masyarakat maju. Salah satu budaya masyarakat maju adalah dengan menjadikan amalan membaca sebagai salah satu budaya hidup. Ibarat slogan Kempen Membaca yang diterajui oleh Perpustakaan Negara Malaysia "Bangsa Membaca Bangsa Berjaya", ia harus menjadi pegangan yang kuat dalam setiap individu kerana melalui pemahaman yang mendalam terhadap slogan itu, akan mencetuskan satu fenomena pembacaan yang hebat di Malaysia. Dengan itu barulah masyarakat kita akan menjadi masyarakat yang berpengetahuan dan bermaklumat.

ReadMalaysia'11 memaparkan visual sebenar dimana tahap budaya membaca masyarakat Malaysia. Dengan kehadiran masyarakat yang tidak putus-putus boleh disimpulkan memang masyarakat kita telah mengamalkan amalan membaca selain menjadikan buku sebagai keperluan. Kerana itu, berdudung-dudung masyarakat mengambil peluang untuk mencari koleksi bahan bacaan yang diingini.





PAMERAN ANIMASI MENJANA KREATIVITI




Sempena Hari Seniman 2011, satu pameran yang dianjurkan bersama Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Filem Negara Malaysia (FNM), Persatuan Animasi Malaysia (ANIMAS) dan Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) bertajuk "Pameran Animasi Menjana Kreativiti". Pameran ini bertujuan untuk menyebarluas maklumat berkaitan karya animasi tempatan yang dijadikan sebagai sumber rujukan masyarakat dan juga untuk mempromosikan karya-karya animasi yang telah dihasilkan oleh rakyat Malaysia. Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh YM Raja Rozaimie Dalnish Shah, Ketua Pengarah Filem Negara Malaysia pada 7 Jun 2011 di Auditorium PNM. Pameran ini diadakan dari 7 Jun – 30 Jun 2011 bertempat di Dewan Pameran, PNM.

Pameran ini terbahagi kepada 6 segmen yang meliputi :-

1. Sejarah Animasi
2. Di Sebalik Tabir Animasi
3. Karya Animasi Terkini
4. Segmen ASWARA
5. Segmen Filem Negara Malaysia
6. Sudut Bacaan

Sepanjang pameran ini berlangsung terdapat juga aktiviti yang dijalankan seperti:

1. Ceramah Animasi "Stop Motion"
2. Bengkel Asas Pembinaan / Lukisan Watak Animasi
3. Bengkel Asas Animasi untuk Kanak – kanak
4. Ceramah "Cerita dan Kanak – kanak"
5. Forum "Kandungan Animasi Berciri Tempatan"
6. Ceramah Animasi dan Perkembangan Filem Cerek Asia Tenggara. Di mana Kita?
7. Ceramah "Dari Konsep ke Visualisasi"





PROGRAM PENDIDIKAN PENGGUNA PNM

Program Pendidikan Pengguna diperkenalkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia adalah bertujuan bagi menyediakan latihan kepada umum terutamanya pelajar sekolah tentang bagaimana untuk mendapatkan kemahiran dan juga pengetahuan untuk mengakses maklumat. Selain dari itu, program ini juga dapat menggalakkan proses intelektual dan kemahiran teknologi maklumat dalam usaha pengesanan dan dapatkan maklumat selaras dengan dunia maklumat global.

Program sehari ini merangkumi 2 segmen yang melibatkan ceramah tentang jenis-jenis bahan maklumat di PNM, penggunaan OPAC pangkalan data PNM dan juga lawatan ke Pusat Manuskip Melayu, Perkhidmatan Mikrofilem serta Bahagian Pemuliharaan.

Antara sekolah yang terlibat dari bulan April hingga Ogos adalah seperti berikut:-

1. SMK Puchong Permai	-	12 April 2011
2. SMK (P) Bukit Kuda	-	13 April 2011
3. SMK Bandar Damai Perdana	-	14 April 2011
4. SMK Shahbandaraya	-	26 April 2011
5. SMK Bukit Sentosa	-	15 Jun 2011
6. SMK Methodist	-	23 Jun 2011
7. SMK Bandar Sungai Buaya	-	28 Jun 2011
8. SMK Puteri Wilayah	-	6 Julai 2011
9. SMT Sepang	-	12 Julai 2011
10. SMK Wangsa Melawati	-	27 Julai 2011



KEMERIAHAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran dan budaya membaca di kalangan masyarakat Malaysia, PNM telah mengadakan aktiviti Kempen Keahlian PNM di luar premis PNM. Disamping meningkatkan jumlah keahlian PNM, kempen ini sekaligus dapat mendekatkan masyarakat dengan PNM serta mempromosikan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan di PNM.

Antara lokasi sepanjang bulan April – Ogos 2011 adalah seperti berikut :-

1. Kolej Multimedia, KL	-	1-2 April 2011
2. Universiti KL BMI	-	6-7 April 2011
3. Institut Perguruan Islam Selangor	-	3 Mei 2011
4. Institut Jantung Negara	-	14 Mei 2011
5. PPR Desa Tun Razak	-	22 Mei 2011
6. Pesta Buku READMALAYSIA'11	-	27 Mei – 5 Jun 2011
7. Hari Belia Negara	-	27-29 Mei 2011
8. Kolej Teknologi YPC	-	27 Jun 2011
9. TM R & D, Cyberjaya	-	13 Julai 2011
10. IPG Bandar Tun Razak	-	1 Ogos 2011





LAWATAN KERJA KE PROGRAM PENERBITAN INTAN, BUKIT KIARA

Bahagian Penerbitan Perpustakaan Negara Malaysia telah mengadakan lawatan kerja ke Program Penerbitan Intan , Bukit Kiara pada 31 Mac 2011 yang lalu. Lawatan kerja ini adalah susulan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Penerbitan. Antara objektif lawatan kerja tersebut adalah untuk berkongsi pandangan dan pengalaman dalam pengendalian penerbitan di Jabatan masing-masing.

Destinasi Intan, Bukit Kiara dipilih kerana kemampuan Program Penerbitan di Agensi terbabit dalam mengendalikan banyak terbitan-terbitan untuk diedarkan kepada seluruh negara dalam menyampaikan buku-buku dan risalah-risalah penting berkenaan sektor awam.

Program Penerbitan Intan, Bukit Kiara diletakkan di bawah sub struktur Pusat Penyelidikan dan konsultansi. Di bawah sub struktur ini juga diletakkan perpustakaan. Pada masa kini Program Penerbitan Intan, Bukit Kiara diketuai oleh Encik Mohd Yusoff bin Hassan.

Antara tentatif program di sana adalah sesi bertukar pandangan, pengalaman dan juga soal jawab antara kakitangan. Semoga dengan lawatan kerja ini Perpustakaan Negara Malaysia akan mendapat idea dan pendedahan baru ke arah pembaikan untuk dimanfaatkan oleh jabatan.



LAWATAN KERJA KE UNIT PENERBITAN KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



Sesi diskusi bersama salah seorang kakitangan Bahagian Penerbitan MOA



Koleksi untuk jualan yang dipamerkan di ruang jualan buku-buku terbitan MOA




Salah satu mesin pemprosesan penghasilan terbitan MOA di Unit Penerbitan

Bahagian Penerbitan Perpustakaan Negara Malaysia juga ada menganjurkan lawatan kerja ke Unit Penerbitan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pada 24 Mac 2011.

Unit ini terdiri daripada 15 kakitangan termasuklah seorang Ketua Unit Penerbitan yang mana menampakkan pentingnya unit ini sebagai sokongan kepada Kementerian tersebut.

Sepanjang lawatan kerja tersebut kakitangan Perpustakaan Negara Malaysia di bawa melawat ke ruang kerja penerbitan, ruang kerja pameran, ruang kerja penyimpanan bahan dan sebagainya.

Lawatan kerja ini diharapkan memanfaat kedua-dua pihak.






Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) Perpustakaan Negara Malaysia

Jawatankuasa MS ISO 9001:2008 Perpustakaan Negara Malaysia telah menjalankan pelbagai aktiviti untuk memantapkan lagi Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) Jabatan. Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah seperti jadual di bawah:


BIL.	AKTIVITI	TARIKH/ TEMPAT	PENGLIBATAN	TUJUAN/ TINDAKAN
1.	Audit Dalam Bil. 1/2011	11 - 13 Januari 2011 di PNM	Ketua Sistem Audit (KSA), Auditor dan semua pemilik proses	Pengauditan telah dilaksanakan terhadap proses kerja berkaitan 21 prosedur kualiti Jabatan.
2.	Bengkel Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) anjuran KPKK	24 - 25 Februari 2011 di IPPTAR	Dua (2) orang wakil iaitu Pn. Izlin Ahmad dan Cik Habirah Mohamad dari PBN	Untuk memberi penerangan mengenai pengendalian KIK.
3.	Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana MS ISO 9001: 2008 (JKP) Bil.1/2011	2 Mac 2011 di PNM	Dipengerusikan oleh Pengarah PMU selaku Timbalan Wakil Pengurusan (TWP)	Untuk membincangkan mengenai pencapaian objektif kualiti dan isu-isu yang berkaitan dengan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) Jabatan.
4.	Kursus Kesedaran MS ISO 9001:2008 dan Tindakan Pembetulan serta Pencegahan anjuran PNM dengan kerjasama Paisley Consulting Sdn. Bhd.	7 - 8 Mac 2011 di Bilik Syarahan, Aras 5	Seramai 29 orang Pegawai ISO/ Wakil bahagian	Untuk meningkatkan kesedaran Pegawai ISO/kakitangan bahagian berkaitan pelaksanaan SPK Jabatan.
5.	Kursus "Effective Documents & Record Management" anjuran SIRIM	21 Mac 2011 di Concorde Hotel, Shah Alam	Dua (2) pegawai terlibat secara langsung dengan pengurusan dokumen ISO	Untuk meningkatkan pengetahuan peserta, menerangkan mengenai keperluan dan kepentingan keberkesanan pengurusan dokumen serta rekod dalam mematuhi piawaian ISO 9001:2008.





Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) Perpustakaan Negara Malaysia

BIL.	AKTIVITI	TARIKH/ TEMPAT	PENGLIBATAN	TUJUAN/ TINDAKAN
6.	Kursus "Effective Quality Management Representative" anjuran SIRIM	23 Mac 2011 di Concorde Hotel, Shah Alam	Timbalan Wakil Pengurusan dan Pengurus Dokumen	Untuk member latihan dan kemahiran kepada Wakil Pengurusan dalam mengurus kualiti pengurusan. Selain itu, untuk mengetahui keperluan MS ISO 9001:2008 dan peranan, kualiti serta sifat yang perlu ada pada Wakil Pengurusan dalam menerajui perkembangan dan pembangunan Sistem Pengurusan Kualiti.
7.	Audit Pemantauan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd.	4 - 5 April 2011 di PNM	Wakil SIRIM dan semua pemilik proses	Untuk menilai skop di bawah pensijilan MS ISO 9001: 2008 jabatan. Hasil pengauditan tersebut, PNM telah berjaya mengekalkan sijil MS ISO 9001:2008.
8.	Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) Bil.1/2011	5 Mei 2011 di PNM	Dipengerusikan oleh YBhg Dato' Ketua Pengarah PNM	Teguran Pasukan Audit SIRIM QAS International Sdn. Bhd. semasa Audit Pemantauan pada 4 hingga 5 April 2011 telah diambil maklum bagi memastikan Sistem Pengurusan Kualiti Jabatan berkesan dan mengikut piawaian yang telah ditetapkan. Justeru Jabatan telah meminda dan menambahbaik agenda serta pelaksanaan MKSP dengan mengambil kira penilaian semula secara menyeluruh ke atas peluang penambahanbaik di Jabatan.





KELAB PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



Sebagai tanda ingatan kepada ahli-ahli Kelab PNM, Biro Keahlian telah mengedarkan hadiah Selamat Hari Lahir yang berupa kad hari jadi dan hadiah sumbangan Kelab PNM kepada kaitangan yang menyambut ulangtahun kelahiran pada bulan Januari hingga Mei 2011. Kelab turut menyambut hari lahir ahli yang jatuh pada hari berlangsungnya Mesyuarat Agung Kelab PNM kali ke-32. Selain itu, sebanyak 9 cenderamata turut diberikan kepada pesara PNM yang bersara pada 2010 dan 2011 sebagai tanda penghargaan di atas sokongan mereka terhadap kelab sepanjang berbakti kepada PNM.

Program Selamatkan Nyawa Melalui Pengesahan Awal Dan Pencegahan adalah kerjasama Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan, Kelab PNM melalui Biro Ekonomi dan Puspanita Cawangan PNM yang telah diadakan pada 18 hingga 19 Januari 2011 bertempat di hadapan Perpustakaan Kanak-kanak PNM. Pemeriksaan kesihatan bersubsidi yang merangkumi pemeriksaan tekanan darah, gula dalam darah, ujian air kencing, kolestrol dalam darah, indeks berat badan, ukur lilit pinggang dan kaunseling telah dijalankan di mana setiap penyertaan dike-nakan bayaran RM2.00 sahaja untuk sumbangan tabung Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan. Program ini terbuka kepada kakitangan PNM dan pengguna PNM. Seramai 223 orang telah menjalani pemeriksaan kesihatan iaitu 113 orang pada hari pertama (18 Januari 2011) dan 110 orang pada hari kedua (19 Januari 2011).

Biro Agama telah berjaya mengadakan sebanyak lima (5) ceramah agama yang bertujuan untuk memberi santapan rohani kepada kakitangan PNM. Ceramah agama ini telah diadakan pada pulak 1 hingga 2 petang di Bilik Serbaguna, Aras 1, Bangunan Anjung Bestari atau Surau PNM, Aras 12, Menara PNM. Seramai 60 hingga 100 orang kakitangan PNM yang hadir untuk menjayakan majlis ilmu ini. Antara tajuk ceramah tersebut ialah Tahun Baru Dalam Perspektif Islam (11 Jan 2011), Ceramah : Ibadah (17 Feb 2011) dan Ceramah Agama : Akidah Muslim (29 Mac 2011). Manakala bacaan Yaasin, tahlil dan doa selamat telah diadakan pada 22 April 2011 dan 13 Mei 2011 bertempat di Surau Aras 12, Menara PNM. Seramai 50 hingga 70 orang telah mengikuti program ini.

SAMBUTAN HARI LAHIR AHLI KELAB



PROGRAM SELAMATKAN NYAWA MELALUI PENGESANAN AWAL DAN PENCEGAHAN



CERAMAH AGAMA, BACAAN YAASIN, TAHLIL DAN DOA SELAMAT





KELAB PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



Ceramah bertajuk 'Hargailah Jantung Anda' telah diadakan pada 18 Mac 2011 di Auditorium, Aras 2 PNM dan telah dihadiri oleh seramai 100 orang kakitangan PNM serta pengguna perpustakaan. Ceramah ini telah disampaikan oleh Dr. Hafidz bin Abd. Hadi, Pakar Klinikal Kardiologi, Institut Jantung Negara. Ia bertujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai sebab-sebab penyakit jantung dan meningkatkan pengetahuan tentang penjagaan jantung.

CERAMAH 'HARGAILAH JANTUNG ANDA'



Biro Sosial dan Kebudayaan Kelab PNM dengan kerjasama Jabatan dan Jabatan Perpustakaan Negara Negeri Perlis telah menyelaras Jamuan Makan Malam Sempena Program Tautan Kasih Semarak Budi yang telah diadakan pada 16 April bertempat di Jabatan Perpustakaan Negara Negeri Perlis. Majlis tersebut telah diserikan dengan persembahan Tarian Selamat Datang 'Asmaradana' dari Kelab PNM dan persembahan 'Dikir Utara' dari Jabatan Perpustakaan Negara Negeri Perlis. Majlis turut dimeriahkan dengan nyanyian karaoke dan penyampaian hadiah Sukan Persahabatan sempena Program Tautan Kasih Semarak Budi.

JAMUAN MAKAN MALAM SEMPENA PROGRAM TAUTAN KASIH SEMARAK BUDI



Kejohanan Beregu Badminton tertutup PNM 2011 dengan kerjasama HI Tech Skills telah diadakan pada Februari 2011. Kejohanan telah dimenangi oleh Farid Ashraf dan Ahmad Firdaus Md Rais. Manakala Perlawanan Sukan Persahabatan dengan Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia Cawangan Perlis telah diadakan pada 15 April 2011 sempena Majlis Tautan Kasih Semarak Budi. Sukan yang dipertandingkan ialah badminton, ping pong, futsal, bola jaring dan woodball. PNM telah memenangi kesemua sukan yang dipertandingkan kecuali woodball. Kejohanan Boling Beregu Tertutup PNM pula telah diadakan pada 9 April 2011. Kejohanan ini telah dimenangi oleh Farid Ashraf dan Ahmad Firdaus Md Rais bagi kategori lelaki manakala Noraslini Bt Abdul dan Marni Yati binti Mohamad bagi kategori perempuan.

SUKAN ANJURAN KELAB

